

Bangsa Melayu perlu fikir strategi terbaik

UM - 21/8/2006

Oleh ZAHARUDDIN MD. ALI
dan SUFFIAN ABU BAKAR

MUAR 20 Ogos - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengajak bangsa Melayu supaya memikirkan strategi terbaik bagaimana untuk meletakkan bangsa itu di tengah-tengah kebangkitan negara China dan India sebagai kuasa ekonomi dunia yang baru.

Timbalan Presiden UMNO itu berkata, bangsa Melayu perlu menyedari dan memikirkan strategi terbaik untuk berdepan dengan cabaran-cabaran akan datang khususnya, ketika dunia hari ini yang dipengaruhi sistem unipolar dan hambatan-hambatan globalisasi.

Menurut beliau, Melayu perlu mencontohi kebangkitan dua negara Asia iaitu China dan India yang mampu bangkit menjadi kuasa ekonomi yang besar sehingga mampu menca- bar kuasa-kuasa Barat.

"Kita mesti membuka minda dan persepsi untuk berdaya saing bukan sahaja di dalam negeri tetapi juga di persada antarabangsa, untuk itu, kita perlu ada kekuatan lain selain daripada kekuatan politik dengan menguasai ilmu pengetahuan, teknologi dan ekonomi.

"Dengan kekuatan yang ada itu, saya yakin orang Melayu tidak akan tenggelam dan boleh menyusun langkah untuk terus berdaya saing di peringkat antarabangsa seperti China dan India," tegas beliau.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Muar, di sini hari ini. Turut hadir,

Strategi terbaik untuk berdepan dengan cabaran-cabaran akan datang khususnya, ketika dunia hari ini yang dipengaruhi sistem unipolar dan hambatan-hambatan globalisasi

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan Presiden
UMNO

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan Ketua UMNO Bahagian Muar, Datuk Mohd. Ismail Mohd. Shah yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Maharani.

Najib yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, perjuangan UMNO hari ini untuk memartabatkan bangsa adalah lebih sukar berbanding usaha untuk menuntun kemerdekaan.

Katanya, perjuangan UMNO kini berdepan dengan pelbagai cabaran dan ia menjadi salah satu sebab mengapa orang Melayu perlu terus memilih parti itu sebagai tempat mereka bergantung harapan.

"Orang Melayu tiada tempat lagi untuk berteduh kecuali mereka menyandarkan harapan kepada UMNO. Melalui perjuangan UMNO, kita boleh meletakkan bangsa di mercu kejayaan dan oleh itu, jaga dan peliharalah UMNO.

"Salah satu faktor kekuatan kita (UMNO) ialah hubungan yang baik antara pemimpin dengan masyarakat. Kita turun padang kerana hendak membela nasib rakyat.

"Kita juga tidak pernah tukar jati diri UMNO kerana asas dan falsafah UMNO tetap sama," tegasnya.

Najib memberitahu, UMNO juga tidak

membeza-bezakan rakyat sama ada di desa atau di kota dan ini adalah kunci kejayaan parti untuk mendapat sokongan yang padu daripada orang Melayu.

Oleh itu, katanya, masyarakat perlu memastikan perpaduan orang Melayu di bawah panji-panji UMNO terus terpelihara kerana sudah terbukti bahawa pemimpin boleh datang dan pergi atau bersara tetapi parti UMNO akan tetap kukuh dan terus menjadi payung kepada orang Melayu.

Tambah beliau, atas sebab itu, semua ahli UMNO perlu patuh serta setia kepada pucuk pimpinan parti dan penyatuan orang Melayu mesti di bawah UMNO kerana hanya parti itu yang mampu melakukan perubahan.

"UMNO perlu menjadi pemangkin kepada perubahan dan dalam dunia unipolar sekarang, kita tidak boleh duduk di takuk lama kerana akan dipintas oleh bangsa yang lebih maju.

"Kita juga tidak boleh terlalu selesa dan alpa kerana kuasa-kuasa ekonomi dunia yang baru muncul seperti China kini mampu menyalangi kuasa barat, begitu juga India yang muncul sebagai satu kuasa besar di persada antara-bangsa," jelas beliau.